

Kosmo  
30/11/2015  
m/s 2

Gigitan nyamuk bawa virus zika punca bayi dilahirkan cacat mental, tidak cergas

# Aedes mampu rosakkan janin

**BRASILIA** – Kementerian Kesihatan Brazil kelmarin mengesahkan bahawa sejenis kecacatan otak yang menyerang bayi dalam kandungan adalah disebabkan oleh virus bawaan nyamuk Aedes, zika.

Kaitan antara zika dengan kecacatan pada bayi itu tidak pernah dibuat sebelum ini. Virus itu dikenal pasti sebagai penyakit baharu yang telah ada kira-kira 50 tahun dahulu.

Zika didakwa pernah merebak dan menyerang beberapa kawasan di Afrika, Amerika Selatan, Asia Tenggara termasuk Malaysia dan sebilangan pulau di Kepulauan Pasifik sebelum ini namun ketika itu ia tidak diketahui.

Jangkitan kuman itu antara lain boleh menyebabkan simptom seperti demam, sakit kepala, mengalami ruam pada kulit, sakit sendi dan mata menjadi kemerah-merahan.

"Analisis awal menunjukkan virus zika itu boleh disebarkan kepada janin dan janin paling berisiko diserang zika ialah ketika tempoh kehamilan tiga



**BAYI** yang dilahirkan selepas terkena jangkitan virus zika bakal terencat akal dan tidak cergas.

– Gambar hiasan

## INFO Negara-negara yang pernah diserang virus zika



cadangan Brazil melaksanakan program kecemasan untuk membasmi nyamuk aedes bagi menghalang penyebaran virus itu.

Sementara itu, di **Jakarta, Indonesia**, Deputi Direktur Eijkman Institute, Dr. Herawati Sudoyo melaporkan, satu lagi virus zika berpunca daripada nyamuk aedes tersebar di negara itu.

Bagaimanapun, Herawati memberitahu, pihaknya belum



**AEDES** dikesan turut membawa virus

## INFO Virus zika dan nyamuk Aedes

### INFO ZIKA

- Virus zika merebak melalui gigitan nyamuk Aedes yang juga merupakan penyebab kepada demam denggi
- Simptom utama demam zika menyebabkan pesakit berasa sakit kepala, mengalami ruam pada kulit, sakit sendi dan mata menjadi kemerahan
- Virus tersebut juga boleh berjangkit melalui hubungan kelamin antara penghidap dan pasangannya
- Mula dikesan di beberapa kawasan seperti Afrika, Amerika Selatan, Asia Tenggara dan sebilangan pulau di Kepulauan Pasifik
- Boleh membantutkan pertumbuhan otak dan pembesaran bayi jika ibu mengandung dijangkiti virus zika

### INFO NYAMUK AEDES

- Nyamuk Aedes aktif menggigit mangsa ketika waktu subuh dan senja
- Mangsa denggi kali kedua jauh lebih teruk dan kesannya lebih rumit

rian Kesihatan Brazil dalam satu kenyataan di sini.

Bagaimanapun, jelas kenyataan itu, lebih banyak eksperimen dan kajian diperlukan bagi mengenal pasti bagaimana virus itu boleh menjangkiti janin manusia.

Peningkatan kelahiran bayi yang mengalami sindrom *mikrosefali* atau otak kecil di timur laut Brazil sejak beberapa bulan lalu mendorong pihak berkuasa mengesyaki bahawa virus zika membawa kesan lebih buruk berbanding yang diketahui sebelum ini.

Kanak-kanak *mikrosefali* berdepan kecacatan mental yang menyebabkan tahap kecerdasan dan pergerakan otot

Pihak berkuasa Brazil telah mengesahkan kaitan antara virus zika dan *mikrosefali* selepas beberapa ujian ke atas tisu mayat seorang kanak-kanak yang menghidap sindrom itu yang dilakukan oleh Institut Ivandro Chagas di Bele, Brazil.

Selain janin, terdapat bukti bahawa virus zika turut menyumbang kepada kematian orang dewasa yang mempunyai sistem imunisasi lemah.

Virus zika tersebar menerusi gigitan nyamuk Aedes yang juga membawa penyakit demam kuning, denggi dan chikugunya.

Susulan penemuan tersebut, kementerian itu menyatakan, zika membawa ancaman serius terhadap orang awam dan men-

gekan di bagaimana virus zika boleh merebak ke negara itu.

“Peneliti di Eijkman Institute menemui virus zika ketika wabak demam denggi menyerang wilayah Jambi pada Disember 2014 sehingga April 2015.

“Namun dalam masa sama pesakit juga dikhuatiri dijangkiti virus zika yang tidak memberi simptom jelas seperti demam denggi kerana pesakit yang dijangkiti virus zika mengalami demam tidak teruk,” jelas Herawati.


Justeru katanya, pesakit yang pemeriksaannya didapati negatif daripada menghidap demam denggi harus meneruskan pemeriksaan kerana ia dikhuatiri pesakit dijangkiti virus zika.

Analisis awal menunjukkan virus zika itu boleh disebarkan kepada janin dan janin paling berisiko ketika tempoh kehamilan tiga bulan pertama Kementerian Kesihatan Brazil

**KEMENTERIAN  
KESIHATAN BRAZIL**

dalam air bersih seperti dalam balang seramik, bekas logam, tong simpanan air, pasu, bekas makanan dan barangan lain yang menampung air

- Kes denggi banyak berlaku pada musim hujan
- Seseorang itu perlu dijangkiti denggi sebanyak empat kali bagi membolehkan badan manusia membina antibodi terhadap keempat-empat virus tersebut
- Nyamuk dewasa boleh hidup sehingga tiga minggu



## Ibu hamil di Malaysia turut berisiko diserang virus zika

**KUALA LUMPUR** – Wanita hamil kini perlu lebih berwaspada ekoran pengesanan virus zika dibawa nyamuk Aedes yang dikesan menyebabkan kecacatan janin seperti yang dilaporkan berlaku di Brazil.

**Pakar Perunding Pediatrik dan Neonatologi Hospital Pakar Damansara, Datuk Dr. Musa Mohd. Nordin** berkata, meskipun belum ada kes berkaitan virus zika di negara ini namun risiko jangkitan virus tersebut kepada wanita hamil boleh berlaku kerana negara ini juga mempunyai masalah dengan nyamuk Aedes.

Menurut beliau, nyamuk Aedes dikesan bukan sahaja menjadi punca kepada demam denggi malah lebih buruk ia turut membawa virus zika yang boleh menyerang otak janin ketika dalam kandungan.

“Wanita mengandung perlu mengelak-



MUSA



FAUZIAH

kan diri daripada digigit nyamuk terutama Aedes dengan menyapu krim penghalau nyamuk atau menghindarkan diri daripada berada di kawasan pembiakan Aedes,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, **Pakar Runding Obstetrik Ginekologi Hospital Pakar Ampang Puteri, Dr. Fauziah Mohd. Hassan** berkata, pendedahan Brazil mengenai

penemuan virus zika yang membahayakan kesihatan janin di negara itu perlu diberi perhatian serius.

“Walaupun Malaysia belum ada kes serangan virus zika tetapi kita tidak boleh menafikan wanita mengandung di sini juga terdedah dengan kehadiran virus zika apabila mereka digigit nyamuk Aedes,” kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut beliau, ibu mengandung yang diserang virus zika akan menyebabkan janin mereka mengalami radang otak dan proses pertumbuhan otak bayi itu terbantut.

“Bayi dijangkiti virus zika boleh hidup tetapi kebiasaannya mereka akan mengalami kecacatan mental dan lambat dari segi pelajaran disebabkan tahap tumbesaran otaknya terbantut,” tegasnya.